

**BAB**  
**KELIMA**

## BAB 5

### PENUTUP

Berdasarkan huraian-huraian dari bab-bab yang berlalu dapat dikemukakan kesimpulan dan saranan.

#### 5.1 Kesimpulan

5.1.1 Ibn Sina dalam membuktikan adanya Tuhan mengemukakan argu men atau dalil *wājib al-wujūd*, *mumkin al-wujūd* dan *mumtani' al-wujūd*. Dalil-dalil *wājib al-wujūd* yang dimaksudkan oleh al-Syaikh al-Ra'is ini ialah wujud mutlak, mesti ada dan mustahil jika diandaikan tidak ada.

*Wajib al-wujud* ini terbahagi kepada a. *wajib al-wujud bi zātīhi*, iaitu wajib wujud disebabkan zatnya sendiri, wujudnya merupakan suatu kemestian kerana Zat-Nya sendiri. Ia yang menyebabkan wujudnya yang lain dan yang lain tidak akan wujud tanpa disebabkan (diwujudkan) oleh *wājib al-wujūd bi zātīhi*. b. *Wājib al-wujūd bi ghairīhi*, iaitu kemestian wujudnya disebabkan oleh yang *wājib al-wujūd bi zātīhi*. Sebenarnya bila dilihat dari hakikat dirinya ia bersifat *mumkin* wujudnya, akan tetapi kerana *wājib al-wujūd bi zātīhi* sudah ada, maka wujudnya menjadi suatu kemestian,

bukan disebabkan zatnya sendiri, tetapi disebabkan oleh *wājib al-wujūd bi zātihi*.

Adapun *mumkin al-wujūd*, ialah sesuatu yang tidak mungkin wujud sendiri. *Mumkin al-wujūd bi zātihi* ini dapat berubah menjadi *wājib al-wujūd bi ghairihi* apabila ada terdapat penyebab dari luar dirinya yang menyebabkan ia menjadi wujud. *Mumkin al-wujūd* untuk menjadi wujud memerlukan kepada empat sebab: sebab materi, sebab bentuk, sebab pembuat dan sebab tujuan. Sedangkan *munṭani' al-wujud*, ialah sesuatu yang mustahil diandaikan wujudnya. Ia tidak memiliki kemungkinan untuk wujudnya.

- 5.1.2 Dalil-dalil tentang adanya Tuhan (*wājib al-wujūd*, *mumkin al-wujūd* dan *munṭani' al-wujūd*) Ibn Sina erat hubungan dengan falsafah wujudnya (esensi dan eksistensi) yang dinilai merupakan hasil ciptaannya sendiri dan Islami.
- 5.1.3 Untuk membuktikan adanya Tuhan, sekalipun ada tiga dalil cukup dalil *wājib al-wujūd* (Allah) sendiri, kerana Ia adalah wujud yang mesti ada (ontologi), dan tidak perlu kepada *mumkin al-wujūd* (wujud ciptaan-Nya), sekalipun dalil ini dapat membuktikan adanya Allah. Kerana dalil *mumkin al-wujūd* ini bila ditelusuri, maka ia akan berakhir kepada dalil *wājib al-wujūd*, sebagai penyebab adanya segala yang

*mawjūd*. Dalil ontologi ini bersifat *burhāni* (demonstrasi) lebih sesuai buat kaum intelek dan lebih kuat dari dalil kosmologi yang lebih sesuai untuk orang awam. Namun kedua dalil ini terdapat dalam surah Fussilat ayat 50.

- 5.1.4 Dalil ontologi Ibn Sina sekalipun masih terkesan berbau teologis, namun ia telah berhasil mengemukakan dengan menggunakan metode demonstratif filosofis. Akan tetapi harus diakui, sesuai dengan hasil pemikiran seseorang yang tertawan dengan kondisinya/anak zamannya, tentu saja tidak akan dapat memuaskan semua pihak.

## 5.2 Saranan

- 5.2.1 Mengungkapkan pesan yang terkandung dalam pemikiran filosofis Ibn Sina ialah supaya usaha-usaha yang ia rintis (juga para failasuf lainnya) dilanjutkan untuk memperkaya khazanah intelektual Islam. Mengenal masa lalu, agar dapat kita projeksikan dengan masa ke kinian.
- 5.2.2 Bagi kita generasi Islam hari ini, agar mampu mewarisi kerja keras dan semangat intelektual generasi Islam sebelumnya, seperti yang telah diperlihatkan Ibn Sina. Maju mundurnya Islam hari ini dan masa yang akan datang terletak pada generasi Islam hari ini.

5.1.3 Dalam disertasi ini penulis baru dapat mengungkapkan sebahagian kecil dari khazanah intelektual Ibn Sina dari sudut argumen tentang adanya Tuhan dalam falsafah ketuhanan Ibn Sina, dan masih banyak lagi hal-hal lain belum dapat diungkapkan atau diangkat ke permukaan, kerana itu penulis sangat berharap semoga para pembaca dari generasi Islam dapat melanjutkan usaha penulis ini dengan mengungkapkannya dari aspek-aspek lain dan dari failasuf lainnya.